

Newspaper	Berita Harian
Date	14/05/2012

Hadi, Harun berbeza pendapat ^{BH-14/5/2012} isu hudud

KUALA LUMPUR: Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bercanggah pendapat dengan Ketua Dewan Ulama parti itu, Datuk Harun Taib berhubung pendirian parti dalam pakatan pembangkang berikutan bantahan berterusan DAP terhadap pelaksanaan hukum hudud.

Abdul Hadi semalam menegaskan parti akan terus bersama pakatan pembangkang sambil menyatakan isu pelaksanaan hudud tidak perlu dibincangkan ketika ini, sebaliknya mahu memberi fokus menghadapi pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

"Kita akan terus bersama pakatan pembangkang dan kita bersama dalam isu bersama... perbezaan pandangan kita raikan antara satu sama lain.

"Saya tidak mahu ulangi (kenyataan mengenai hudud) kerana saya mahu tumpu kepada cabaran PRU-13. Perkara (hudud) nanti kita perintah... (sekarang) kita tak perintah lagi," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa PAS Pusat, di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Harun sebelum ini bahawa PAS akan tetap melaksanakan hudud dan meminda Perlembagaan Persekutuan walaupun mungkin bukan dengan rakan pakatan sekarang.

Sementara itu, Abdul Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang juga enggan mengulas kenyataan Pengerusi DAP, Karpal Singh, sebaliknya berkata: "Itu bukan hal saya, hal saya apa yang saya buat... saya berpijak atas apa yang saya buat... itu dia (Karpal) punya hal."

Sementara itu, Naib Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA), Dr Zubir Harun, berkata PAS kini parti tidak berprinsip kerana sanggup akur kepada DAP yang mahu Abdul Hadi berhenti membuat kenyataan mengenai pelaksanaan hukum hudud dan hanya fokus untuk memenangi PRU-13.

Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPIM), Datuk Zainul Rijal Abu Bakar, berkata PAS dan DAP mempunyai pandangan amat berbeza serta persefahaman yang goyah dalam isu pelaksanaan hukum hudud.